

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

SOALAN : 375

Dr. Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah penambahbaikan secara menyeluruh untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti pengangkutan awam bagi kes-kes yang amat mendesak seperti di Melaka.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan memandang serius langkah-langkah penambahbaikan dalam menaik taraf serta meningkatkan kualiti pengangkutan awam darat dalam menyalurkan perkhidmatan yang berkualiti serta memberikan keselesaan kepada rakyat. Penekanan aspek kesalinghubungan dan kebolehsampaian diantara pengguna dan perkhidmatan pengangkutan awam darat menjadi keutamaan Kerajaan dalam menjadikan perkhidmatan ini menjadi mod pilihan rakyat.

Kajian Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Wilayah telah bermula pada bulan Disember 2016, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti cabaran serta isu berkaitan pengangkutan awam darat di peringkat bandar, negeri dan wilayah seterusnya mencadangkan pelan-pelan tindakan untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti pengangkutan awam darat seiring matlamat dan objektif RIPAD Negara. Kajian ini terbahagi kepada tiga (3) wilayah di Semenanjung Malaysia; RIPAD Wilayah Selatan, Wilayah Utara dan Wilayah Timur. Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah adalah termasuk di dalam RIPAD Wilayah Selatan bersama Negeri Johor Darul Takzim dan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Status kemajuan pembangunan RIPAD Wilayah Selatan ini telah berada pada fasa Laporan Akhir di mana kelulusan pada fasa Laporan Interim telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada Mac 2018. RIPAD Wilayah Selatan ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri, dan akan diselaraskan dengan rancangan-

rancangan pemajuan sedia ada di peringkat negeri. Kajian RIPAD Wilayah Selatan ini akan menggariskan cadangan-cadangan projek serta program yang sesuai untuk dilaksanakan termasuk di Melaka bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam di kawasan terlibat.